



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA**
BERITA PERIKANAN HARI INI

28 Oktober 2021
22 Rabiulawal 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Pendapatan 80 nelayan darat terjejas
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI Sabah Media		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		26 28/10/2024

Pendapatan 80 nelayan darat terjejas

Penduduk dakwa aktiviti perlombongan punca hasil tangkapan berkurangan

Oleh NOORAINON MOHAMED YUSOF

PASIR SALAK

Aktiviti perlombongan yang dijalankan di Air Kuning, Kampung Gajah di sini didakwa menjaskan pendapatan lebih 80 nelayan darat di kawasan berkenaan.

Yang Dipertua Persatuan Perikanan Air Tawar (Peniat) Kampung Gajah, Sairul Nizam Mohamad Saleh berkata, aktiviti yang dijalankan di kawasan seluas lebih 566 hektar itu melibatkan kawasan tanaman sawit dan perairan umum iaitu lombong dan sungai.



Penduduk dan nelayan darat membantah aktiviti perlombongan di kawasan Air Kuning, Kampung Gajah.

Menurutnya, pemberian lesen menjelajah kepada syarikat terbabit yang menuduh aktiviti sejak dua bulan lalu telah menjaskan sumber pendapatan penduduk termasuk orang asli.

"Kawasan berkenaan melibatkan MyKomuniti Perikanan (MyKP) Sungai Gajah, Air Kuning dan Chenderong Kelubi.

"Nelayan mula terganggu apabila ada kawasan yang sudah tidak boleh dimasuki serta laluan untuk

ke kebun ditutup. Kami kluarit aktiviti ini akan mengganggu ekosistem semula jadi kawasan ini," katanya pada Isnin.

Sairul Nizam berkata, bantahan telah dikemukakan secara lisani kepada pihak berkenaan namun jawapan yang diterima amat mengecewakan.

Bagi penduduk, Shuhaini Abdul Sukor, 44, dia mengakui hasil sungai berkurangan apabila pendapatan harianerosot dari

pada RM100 kepada RM30 sehari.

"Selain itu, kami ada kemukaan permohonan untuk teroka kawasan sama bagi pertanian dan penternakan namun ditolak kerana ia merupakan rizab Pulau Burung.

"Lebih 30 tahun kawasan ini tidak diteroka dan sepanjang tempoh itu kami bergantung kepada hasil hutan dan sungai, kini aktiviti kami mula terjejas," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kampung Gajah, Datuk Dr Wan Norashikin Wan Noordin berkata, pihaknya telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk bagi mendapatkan gambaran jelas mengenai masalah tersebut.

Kata Wan Norashikin, pihaknya dilihakkannya sebuah anak syarikat kerajaan negeri telah me-luluskan kuasa cari gali kepada empat syarikat terlibat.

"Kami dapat kumpulan penduduk Kampung Sungai Gajah, Air Kuning dan persetiaan nelayan yang tidak berpuas hati selepas tidak dibenarkan masuk ke kawasan berkenaan untuk mengambil hasil."

"Saya berharap anak syarikat kerajaan negeri bersama empat syarikat yang dilantik perlu mencari jalan terbaik bagi kepentingan bersama," katanya.

Beliau bercadang untuk mengadakan pertemuan bersama pihak terlibat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.